

19/09/1999

Thailand timbalan pemerintah PBB

TUARAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengesahkan Thailand dilantik sebagai Timbalan Pemerintah Pasukan Pelbagai Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang akan dihantar ke Timor Timur untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman di wilayah itu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan bertelagah mengenai pelantikan itu dan bersedia menerima Thailand untuk menjadi timbalan pemerintah.

"Pada peringkat awal, kita akan menghantar 30 pegawai dan anggota ke Timor Timur. Jumlah yang lebih ramai akan ditambah apabila pasukan pengaman sudah dibentuk," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan amanat perdana di Konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) di sini, berakhir semalam.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Pangliman Osu Sukam dan Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

(END)